

KEBERKESANAN MODUL *FLIPPED CLASSROOM* TERHADAP PENCAPAIAN BAHASA JERMAN DAN KETERLIBATAN PELAJAR

EFFECTIVENESS OF FLIPPED CLASSROOM IN GERMAN LANGUAGE TEACHING ON STUDENTS' ACHIEVEMENT AND ENGAGEMENT

Yap Leng Lee¹

Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia.
(Email: lengleeyap@upm.edu.my)

Ruhizan Mohammad Yasin²

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.
(Email: ruhizan@ukm.edu.my)

Received date: 18-12-2019

Revised date: 27-12-2019

Accepted date: 29-12-2019

Published date: 30-12-2019

To cite this document: Yap. L. L., & Yasin, R. M. (2019). Keberkesanan Modul *Flipped Classroom* terhadap Pencapaian Bahasa Jerman dan Keterlibatan Pelajar. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 249-265.

DOI: 10.35631/ijhpl.280019

Abstrak: Pembelajaran bahasa asing secara pasif di dalam bilik darjah tidak memanfaatkan dan pembelajaran bahasa asing sepatutnya mengembirakan. Kegagalan pelajar mengaplikasikan tatabahasa yang telah dipelajari dalam pembelajaran bahasa Jerman menjadi pemangkin kepada pelaksanaan kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk meninjau keberkesanan pembelajaran bahasa Jerman dengan menggunakan Modul Flipped Classroom yang mengubah konsep bilik darjah yang berdingding konkrit kepada bilik darjah yang tidak bersempadan. Kaedah Flipped Classroom ini efektif jika pelajar melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran dan penglibatan aktif ini menyumbang kepada pembelajaran yang berkualiti dan bermakna. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen, reka bentuk penukar ganti, di mana tiga sesi rawatan dilaksanakan ke atas sampel yang terdiri daripada 36 orang pelajar dalam sesi 1, 35 orang pelajar dalam sesi 2 dan 3. Ujian parametrik Ujian-t, ANOVA satu hala dan ANCOVA satu hala digunakan untuk menganalisis kesan intervensi terhadap pencapaian bahasa Jerman. Manakala ujian-t, ANOVA satu hala dan MANCOVA dilaksanakan untuk menganalisis kesan intervensi terhadap keterlibatan pelajar dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman. Walaupun hasil kajian tidak dapat membuktikan kesan yang positif secara signifikan dalam pencapaian bahasa Jerman dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Jerman dengan menggunakan Modul Flipped Classroom, akan tetapi pelajar yang mengikuti Modul Flipped Classroom menunjukkan peningkatan yang lebih baik dalam pencapaian bahasa Jerman dan keterlibatan pelajar jika dibandingkan dengan pelajar yang

mengikuti Modul Traditional. Flipped Classroom disarankan untuk diintegrasikan dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman sepenuhnya supaya pengajaran dan pembelajaran tatabahasa akan menjadi lebih menarik dan lebih berkesan. Selain itu, aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman akan menjadi lebih tersusun dan setiap minit pembelajaran bersemuka dapat digunakan sepenuhnya oleh para pengajar dan dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh para pelajar.

Kata Kunci: *Flipped Classroom*, Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Jerman, Keterlibatan Pelajar

Abstract: *Learning a foreign language should be fun. Sitting hours passively in the classroom and memorizing grammatical rules in the classroom – this kind of learning experience is banal and not fruitful. Students who failed to use the grammar learned in German Language learning are a catalyst for the implementation of this study which studies German Language learning by using the Flipped Classroom. Flipped Classroom transforms the concept of concrete-walled classroom to the unobstructed classroom. Flipped Classroom is effective when students are actively involved in learning and active involvement contributes to quality and meaningful learning. This study used quasi-experimental designs, a precisely repeated-measures design where three treatment sessions were carried out on samples comprising 36 students in session 1, 35 students in sessions 2 and 3. T-test parametric tests, one-way ANOVA and one-way ANCOVA are used to analyze the quantitative data of intervention effects on the achievement of the German language. While t-test, one-way ANOVA and MANCOVA were implemented to analyze the quantitative data of intervention effects on student involvement in German Language grammar learning. The findings showed that after the treatment was given, there was no significant difference in the mean score of German Language Achievement in learning German grammar. Besides, the analysis of the findings found that there was no significant difference in the mean score of the Student Engagement among the students in the experimental group and control group after the intervention took place in session 1, session 2 and session 3. However, students following the Flipped Classroom Module showed better improvement in German language achievement and student engagement compared to students following the Traditional Module. Flipped Classroom is suggested to be integrated into German grammar learning completely. With this, grammar teaching and learning will become more interesting and more effective. In addition, German language grammar teaching and learning activities will be organized and every minute in the classroom can be fully utilized by teachers and students.*

Keywords: *Flipped Classroom, Foreign Language Learning, Student Engagement, Student Achievement*

Pengenalan

Aktiviti-aktiviti pembelajaran dan pengajaran kini kian berubah dan pelbagai pendekatan pembelajaran dan pengajaran baru tumbuh bagai cendawan selepas hujan di arena antarabangsa. Adakah pelajar Malaysia didedahkan dengan kepelbagaian pendekatan ini? Adakah pelajar Malaysia bersedia untuk melangkah keluar zon selesa mereka? Mampukah sistem pendidikan Malaysia bertanding dengan sistem pendidikan di negara-negara lain? Rakyat Malaysia layak menerima pendidikan yang paling bagus. Justeru itu, sistem pendidikan di Malaysia haruslah mengubah mod pembelajaran dan persekitaran pembelajaran demi melahirkan graduan-graduan yang holistik (Siti Hamisah, 2016). 70% daripada pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang diguna-pakai di institusi-institusi pendidikan di Malaysia

haruslah merupakan Pendekatan Bersepadu (Blended Learning) (Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia, 2015-2025). Ini adalah kerana Pendekatan Bersepadu meningkatkan flexibiliti (Pratt & Trewern, 2011; Parkes, Zaka & Davis, 2011), keterlibatan dan motivasi pelajar (Barbour & Reeves, 2009; Wang & Reeves, 2006), pembelajaran sendiri (Bolstad & Lin, 2009; Parkes et al. 2011) dan kemahiran ICT (O'Dwyer, Carey & Kleiman, 2007; Tunison & Noonan, 2001).

Dalam dunia pembelajaran bahasa asing, kaedah-kaedah pengajaran bahasa asing Tatabahasa Terjemahan dan Audio-Lingua gagal menghasilkan pengguna bahasa yang boleh menggunakan bahasa yang dipelajari. Oleh itu, pelajar hari ini tidak boleh lagi diberikan pelajaran secara tradisional kerana mereka mahir menggunakan pelbagai peranti untuk memperoleh maklumat dari seluruh dunia (Mohamed Amin Embi, 2014). Ini adalah kerana pembelajaran secara tradisional adalah pembelajaran yang pasif dan kaedah ini merupakan pembelajaran yang berpusatkan pengajar (Elizabeth et al, 2002). Selain itu, pembelajaran secara tradisional membuatkan pelajar merasa bosan dan tidak berminat untuk belajar kerana mereka hanya perlu menghafal maklumat dan fakta yang disuapkan oleh pengajar mereka. Ini seterusnya menyebabkan pembelajaran secara cetek atau tidak mendalam dan pelajar tidak dapat mengaitkan apa yang dibelajar dengan dunia yang nyata (Christopher, 2006). Justeru itu, pembelajaran yang pasif ini perlu berubah kepada yang aktif kerana pembelajaran yang aktif dapat merangsangkan pelajar mengaktifkan pengetahuan yang sedia ada dan menghubungkaitkannya dengan pengetahuan baru. Pengetahuan yang baru ini dapat diaplikasikan pada masa depan (Khoo, 2003).

Flipped Classroom merupakan satu konsep pedagogi yang kian mendapat perhatian di alaf baru ini (Wahindah, Wan Alflda & Zuraidah, 2015) dan ia telah dinilai sebagai salah satu trend pengajaran dan pembelajaran yang paling unggul dalam pendidikan teknologi pada zaman sekarang (Watters, 2012). Di Malaysia, *Flipped Classroom* turut mendapat perhatian daripada barisan perjuangan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana ia mengurangkan “*chalk and talk*” dalam pengajaran, sementara memaksimumkan interaksi satu sama lain dalam masa kelas (Brent, 2013). Selain itu, kaedah ini menggalakkan pembelajaran sendiri dan penglibatan aktif pelajar di dalam kelas. Teknologi berperanan penting dalam *Flipped Classroom* kerana ia membebaskan masa kelas yang sebelum ini digunakan untuk pengajaran satu hala. Pengajar dalam *Flipped Classroom* memberikan kandungan pengajaran yang hendak diajar sebagai kerja rumah. Sebelum menghadiri ke kelas, pelajar dikehendaki untuk menyempurnakan tugas yang diarahkan oleh pengajar. Dengan cara ini, pelajar dapat memanfaatkan masa dalam kelas untuk menyelesaikan masalah, pembangunan konsep dan melibatkan diri dalam pembelajaran kolaboratif (Tucker in Roehl, 2013).

Penyataan Masalah

Kegagalan menguasai tatabahasa dan kegagalan mengaplikasi tatabahasa yang dikuasai bukan sahaja menjejaskan penggunaan bahasa malah menghancurkan komunikasi dua hala. Generasi Y, atau dikenali sebagai Generasi Internet memerlukan pendidikan yang *versatile*. Dengan itu, Tan (2004) menyarankan pendidikan yang mampu memupuk pelajar yang boleh berfungsi dalam persekitaran yang baru dan sentiasa berubah. Jika kita gagal mengubah pedagogi, kurikulum dan penilaian untuk menyesuaikan kepada keperluan generasi Y ini, kita mengagalkan pelajar kita dan menjejaskan kerjaya kita sebagai pendidik (Willms, 2003; Robinson, 2009; Tapscott, 1998; Prensky, 2005 & Gilbert, 2007).

Di Institusi Jerman-Malaysia, pelajar-pelajar yang mengikuti program GAPP (German A-Level Preparatory Programm) tidak dapat mengaplikasikan tatabahasa yang dipelajari selama 15 bulan dalam mata pelajaran Bahasa Jerman peringkat As dalam Peperiksaan Antarabangsa

Cambridge (CIE). Mata pelajaran Bahasa Jerman peringkat As CIE adalah mata pelajaran wajib dan pelajar mesti memperolehi sekurang-kurangnya gred C untuk melanjutkan pelajaran dalam kursus kejuruteraan di negara Jerman. Peperiksaan mata pelajaran Bahasa Jerman tahap As mengambil tempat setiap tahun pada bukan oktober sahaja dan ia mengandungi tiga kertas. Kertas Satu menguji kemahiran lisan dan wajarannya adalah 29%; Kertas Dua menguji kemahiran membaca dan menulis dan wajarannya adalah 50% manakala Kertas Tiga menguji kemahiran menulis dan wajarannya adalah 21%. Pelajar GAPP menghadapi masalah dalam Kertas Dua dan Kertas Tiga, di mana lebih separuh daripada jumlah pelajar gagal dalam Kertas Dua enam sesi akademik berturut-turut. Pihak pengurusan Institusi Jerman Malaysia dan penaja-penaja tidak puas hati dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan ini, terutamanya 35% daripada pelajar dalam Kertas Dua dan 22% daripada pelajar dalam Kertas Tiga memperolehi gred U. Gred U (ungradeable) merupakan keputusan yang paling rendah dalam sistem penilaian CIE. Walaupun pelajar GAPP mempelajari 15 bulan Bahasa Jerman, yakni daripada tahap A1 sampai ke tahap B1 menurut Rangka Kerja Umum Eropah (CEFR), dan selama 9 jam setiap minggu, kebanyakan pelajar menghadapi masalah yang besar dalam mengaplikasikan tatabahasa yang dipelajari dalam peperiksaan seperti yang dilaporkan dalam kajian-kajian yang dijalankan. Kelemahan pelajar GAPP ini turut disokong oleh para pengajar di Pusat Bahasa *Sprachzentrum Weilheim*, rakan kongsi Institusi Jerman-Malaysia (GMi). Menurut para pengajar, pelajar GAPP mempunyai pengetahuan tatabahasa yang baik. Akan tetapi mereka tidak berupaya untuk mengaplikasikannya. Defisit ini menjejaskan kemahiran menulis dan kemahiran-kemahiran bahasa lain. Tambahan pula, para pengajar di *Sprachzentrale Leipzig*, rakan kongsi Institusi Jerman-Malaysia berpendapat bahawa defisit ini menghalang berjaya sesebuah komunikasi dan membawa kepada salah faham semasa komunikasi mengambil tempat.

Justeru itu, kaedah *Flipped Classroom* diketengahkan dan dijadikan tumpuan dalam kajian ini kerana pelajar dapat melibatkan diri dalam pembelajaran di dalam dan di luar kelas secara aktif, pelajar dapat belajar menerusi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta pengajaran dan pembelajaran menerusi kaedah *Flipped Classroom* ini adalah menarik dengan bantuan daripada teknologi. Kegagalan pelajar menggunakan tatabahasa yang telah dipelajari dalam bilik darjah dalam kemahiran lisan dan menulis seperti yang dibuktikan oleh kajian-kajian lepas, kekurangan penyelidikan berkaitan keterlibatan pelajar di dalam dan di luar kelas, kekurangan penyelidikan yang melibatkan kaedah *Flipped Classroom* dalam bidang pembelajaran dan pengajaran bahasa asing dan kekurangan penyelidikan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing – bahasa Jerman di Malaysia menjadi pemangkin kepada pelaksanaan kajian ini. Berdasarkan kepada senario semasa, penyelidik menilai Modul *Flipped Classroom* dalam pengajaran tatabahasa bahasa Jerman terhadap keterlibatan pelajar dan pencapaian bahasa Jerman dengan harapan dapat mengecilkan jurang yang wujud supaya kemahiran bahasa Jerman dapat diperkukuhkan sebelum pelajar melangkah kaki di menara gading di negara Jerman serta menambah baik pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman di Malaysia.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meninjau pembelajaran bahasa Jerman dengan menggunakan kaedah *Flipped Classroom*.

Secara lebih spesifik, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif kajian berikut:

1. menguji keberkesanan Modul *Flipped Classroom* bahasa Jerman terhadap pencapaian bahasa Jerman.
2. menguji keberkesanan Modul *Flipped Classroom* bahasa Jerman terhadap keterlibatan pelajar.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat membantu para tenaga pengajar bahasa Jerman merancang dan mengambil tindakan perancangan dan penambahbaikan agar matlamat yang digariskan dalam objektif kursus dapat dicapai menerusi Modul *Flipped Classroom* bahasa Jerman ini. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu para pengajar membentuk pelajar yang aktif dan melibatkan setiap pelajarnya dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya para pelajar dapat memanfaatkan ilmu pengetahuan yang dicurahkan oleh tenaga pengajar dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari dalam situasi sebenar baik dalam kemahiran lisan atau pun dalam kemahiran menulis.

Ulasan Perpustakaan

Kaedah *Flipped Classroom* atau dikenali sebagai *inverted classroom* merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berasal daripada Pendekatan Pembelajaran *Blended* (blended learning) (Lager, Platt & Treglia, 2000). Kaedah *Flipped Classroom* juga dikenali sebagai reversed classroom (Herreid & Schiller, 2013). Bergmann & Sams (2012) dan Lage, Platt & Treglia (2000) menerangkan persekitaran pembelajaran Kaedah *Flipped Classroom* seperti berikut: Kerja rumah yang dibagi oleh pengajar sebagai latihan pengukuhan kini dilakukan dan diselesaikan dalam masa kelas, sebaliknya pengenalan kepada sesebuah topik/konsep baru (input) diperolehi oleh pelajar di luar masa kelas. Dalam perkataan lain, susunan kelas diterbalikkan. Selain itu, Kaedah *Flipped Classroom* merupakan pembelajaran yang menggabungkan pembelajaran bersemuka (face to face) dan pembelajaran dalam talian (online) (Garrison & Kanuka, 2004). Pembelajaran bersemuka tidak patut menjadikan agenda utama seperti dalam kaedah Pembelajaran Traditional. Masa kelas adalah terhad dan sangat penting kepada pembelajaran pelajar. Justeru itu, masa kelas patut difokuskan untuk perbincangan, kerja berkumpulan, persembahan, demonstrasi dan sebagainya supaya persekitaran pembelajaran menjadi dinamik dan efektif (Reynard, 2007). Khan (2012) berhujah bahawa pendidikan formal perlu berubah selaras dan harmoni dengan cara pembelajaran yang sebenarnya kerana pelajar akan belajar dalam kadar yang cepat dan secara mendalam, jika pelajar mengenali objektif pembelajaran tersebut (Knowles, 1998).

Modul *Flipped Classroom* yang digunakan dalam setiap sesi pembelajaran dan pengajaran kaedah *Flipped Classroom* dibentuk dengan mengambil kira prinsip-prinsip yang diketengahkan dalam teori Konstruktivisme Sosial. Lev Vygotsky (1896 – 1934) mempelopori teori Konstruktivisme Sosial dan beliau merupakan seorang ahli psikologi Belarus, Rusia. Menurut Vygotsky, pelajar berfungsi sebagai pembina pengetahuan dan bukannya sebagai penerima pengetahuan dalam pengajaran dan pembelajaran yang didasari oleh teori Konstruktivisme Sosial (Woolfolk, 2008). Dalam teori Konstruktivisme Sosial ini, persekitaran pembelajaran memainkan peranan yang penting kerana ia mencetuskan pembelajaran secara aktif, menyediakan satu platform untuk menyokong pembinaan pengetahuan serta pembelajaran melalui pengalaman (Jonassen, 1994). Prinsip-prinsip yang tertentu perlu dipatuhi dalam pembelajaran dan pengajaran yang menggunakan teori Konstruktivisme Sosial dan kebanyakan ciri-ciri utama dalam kaedah *Flipped Classroom* menepati prinsip-prinsip teori Konstruktivisme Sosial ini. Contohnya, pengajaran harus berdasarkan kepada pengalaman pelajar dan suasana pembelajaran yang kondusif, di mana ia akan melahirkan suasana ingin belajar, perlu disediakan. Selain itu, pembelajaran harus melibatkan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang autentik dan berpusatkan kepada pelajar. Tambahan pula, strategi penemuan dititikberatkan dalam pembelajaran dan pengajaran yang menggunakan teori Konstruktivisme Sosial ini. Pengajar dan pelajar saling bersandang dan menyempurnakan antara satu sama lain dalam teori Konstruktivisme Sosial ini. Pengajar berperanan sebagai pembimbing dan fasilitator yang menerima serta membantu pelajar yang berpotensi berlainan

dan mempunyai ciri-ciri perlakuan yang berbeza dalam proses pembelajaran dan pengajaran supaya dapat memenuhi kehendak dan keperluan semua pelajar. Dalam teori Konstruktivisme Sosial, ilmu pengetahuan tidak wujud dengan sendirinya tetapi dibina dalam minda berdasarkan kepada pengalaman sebenar. Pelajar belajar cara belajar dalam teori Konstruktivisme Sosial berdasarkan kepada pengalaman dan persekitaran yang sedia ada (Woolfolk, 2005 & 2008; Zuraini & Abdull Shukor, 2012). Selain itu, pemahaman pelajar akan lebih kukuh apabila mengaitkan pengalaman yang sedia ada dengan pengetahuan yang baru diperolehi serta fakta yang sedang dibina (Colliver, 2000). Konteks sosial memainkan peranan yang penting dalam teori ini. Dalam erti kata lain, teori Konstruktivisme Sosial ini meninjau pembelajaran manusia dalam konteks sosial-budaya (Noriati, Boon, & Sharifah Fakhirah, 2009; Sang, 2010). Dalam konteks sosial ini pelajar berkongsi pengetahuan yang diperolehi dan saling membina pengetahuan baru. Pengetahuan daripada rakan seperjuangan memberikan peluang kepada pelajar untuk menilai dan meningkatkan pengetahuan diri memandangkan mereka terdedah kepada pemikiran orang (Woolfolk, 2008). Pengajar perlu dari semasa ke semasa menilai, mengukur keterlibatan dan kefahaman pelajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Jika didapati pelajar enggan melibatkan diri mereka dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran, pengajar perlu melakukan refleksi dan seharusnya lebih kreatif dalam merancang aktiviti-aktiviti pembelajaran yang pelbagai dan mengajukan pelbagai persoalan yang bersifat mencabar bagi merangsangkan minat dan rasa ingin tahu pelajar. Teori Konstruktivisme Sosial ini turut menganggap bahawa pengajar bukan sumber pembekal maklumat yang tunggal tapi sumber yang membantu pelajar mencari maklumat dan sumber yang merangsang pelajar berfikir. Hasil daripada pembelajaran dan pengajaran yang menggunakan teori Konstruktivisme Sosial, pelajar akan memperolehi pengetahuan dari segi pengetahuan (cognitive), kemahiran (psychomotor) dan afektif (affective).

Cara pembelajaran dan kadar pemprosesan kandungan pelajaran bagi setiap pelajar adalah berbeza-bebeza. Seseengah pelajar menghadapi masalah mencerna fakta-fakta yang diajar oleh pengajar dalam masa yang begitu singkat, yakni dalam masa kelas atau kekurangan pra-pengetahuan yang diperlukan untuk memahami apa yang diajar oleh pengajar (Goodwin & Miller, 2013). Oleh itu, pengajaran dianjakkan kepada masa luar kelas dalam kaedah *Flipped Classroom* supaya pelajar dapat menguasai pra-pengetahuan yang diperlukan untuk melanjutkan pembelajaran yang seterusnya serta mengukuhkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik yang baru melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran dan pengajaran atas talian (Du, Fu & Wang, 2014). Ini bermakna, kuliah dalam masa kelas digantikan dengan rakaman video atau bahan pengajaran yang lain. Pelajar diwajibkan untuk melihat video pembelajaran atau bahan pengajaran yang lain yang dibekalkan sebagai kerja rumah sebelum menghadiri kuliah sementara masa dalam kelas dimaksimumkan untuk interaksi sesama rakan seperjuangan dan pengajar (Brent, 2013). Akan tetapi, kaedah *Flipped Classroom* bukan hanya setakat mentransformasikan kuliah ke dalam video sahaja. Penyelewengan ini hanya mengalahkan tujuan pelaksanaan kaedah *Flipped Classroom* yang mempromosikan pembelajaran mendalam (Sankey & Hunt, 2013) dan tidak mengehendkan pembelajaran dalam waktu kelas sahaja (Schell & Mazur, 2015). Dengan itu, Bharali (2014) dan Mathews (2015) mencadangkan bahawa persekitaran pembelajaran *Flipped Classroom* seharusnya berpusatkan pelajar, mengamalkan pembelajaran kolaboratif, ruang pembelajaran dioptimumkan dan mempunyai platform atas talian dan bukan atas talian.

Metodologi

Dalam pengujian keberkesanan Modul *Flipped Classroom*, Reka Bentuk Kuasi Eksperimen digunakan kerana reka bentuk kajian ini digunakan untuk menilai keberkesanan suatu program apabila responden kajian tidak dapat diagihkan secara rawak (Mohd Majid 1990). Responden-

responden yang digunakan dalam kajian ini adalah tidak seimbang dan tidak mempunyai ciri-ciri yang 100% sama. Persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan kesediaan. Penyelidik menggunakan persampelan secara kebetulan dalam kajian Kuasi Eksperimen ini kerana kumpulan-kumpulan (Team) pelajar ditentukan oleh pihak pengurusan Insititusi Jerman-Malaysia pada awal permulaan semester dan sebarang perubahan adalah tidak dibenarkan. Penyelidik hanya dapat memilih dua daripada enam kumpulan yang sedia ada bagi pelajar GAPP sesi 2018. Dalam kajian ini, sampel dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Oleh kerana sampel yang dipilih dalam kedua-dua kumpulan tidak seimbang dan tidak mempunyai ciri-ciri yang sama, kajian ini menggunakan Reka Bentuk Kumpulan Tidak Setara Ujian Pra-Pasca. Dalam bentuk ini, analisis Ujian-t, Ujian ANOVA, Ujian ANCOVA dan Ujian MANCOVA digunakan untuk menguji dan menentukan perbezaan antara kedua-dua kumpulan. Reka bentuk penukar-gantian digunakan untuk menilai kebolegunaan Modul *Flipped Classroom* dalam pembelajaran bahasa Jerman terhadap pencapaian bahasa Jerman sampel dan keterlibatan sampel, di mana rawatan diberi secara bergilir kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dan ia melibatkan tiga sesi seperti yang digambarkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Reka Bentuk Penukar-gantian

	Sesi Pertama			Sesi Kedua			Sesi Ketiga		
	Ujian Pra 1	INTERVENSI	Ujian Pasca 1	Ujian Pra 2	INTERVENSI	Ujian Pasca 2	Ujian Pra 3	INTERVENSI	Ujian Pasca 3
Kumpulan Kawalan		Traditional			Flipped Classroom			Traditional	
Kumpulan Rawatan		Flipped Classroom			Traditional			Flipped Classroom	

Hanya pelajar GAPP daripada sesi pengambilan 2018 dijadikan populasi. Tindakan ini adalah untuk mengelakkan dan meminimumkan intervensi yang mungkin akan menjejaskan hasil dapatan kajian seperti yang dicadangkan oleh Noor'ani (2008). Jumlah pelajar yang mendaftar dalam program Pra-Universiti GAPP adalah seramai 237 orang pelajar. Sesi kemasukan 2017 terdiri daripada 119 pelajar dan sesi kemasukan 2018 terdiri daripada 118 pelajar. 118 orang pelajar daripada sesi kemasukan 2018 dipilih sebagai sampel untuk kajian ini dan pelajar sesi kemasukan 2018 ini diagihkan kepada 6 kumpulan yang dinamakan TEAM 1, TEAM 2, TEAM 3, TEAM 4, TEAM 5 dan TEAM 6. Teknik persampelan kesediaan digunakan dalam menentukan sampel pelajar dalam kajian ini. Sampel-sampel dalam kumpulan rawatan dan kawalan mempunyai tidak mempunyai ciri-ciri yang 100% sama dan mereka merupakan pelajar baru yang mendaftarkan diri sebagai pelajar Gapp pada bulan Mei, tidak mempunyai sebarang pengetahuan asas bahasa Jerman dan sedang mempelajari kursus bahasa Jerman tahap A2. Gender, latar belakang, bahasa ibunda dan bangsa tidak memainkan sebarang peranan dalam kajian ini, justeru itu, faktor gender, faktor latar belakang, faktor bahasa ibunda dan faktor bangsa tidak diambil kira semasa kajian ini dilaksanakan. Pelajar daripada TEAM 4 dipilih sebagai sampel bagi kumpulan kawalan dan pelajar daripada TEAM 2 dipilih sebagai sampel bagi kumpulan rawatan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Profil Sampel Kajian

Team	Bilangan Pelajar	Sampel Kajian
1	18	
2	20	Kumpulan Rawatan
3	19	
4	17	Kumpulan Kawalan
5	19	
6	19	Kajian Rintis
Kumpulan Rawatan: Sesi Pertama – Modul Flipped Classroom Sesi Kedua – Modul Traditional Sesi Ketiga – Modul Flipped Classroom		Kumpulan Kawalan: Sesi Pertama: Modul Traditional Sesi Kedua: Modul Flipped Classroom Sesi Ketiga: Modul Traditional

Dalam kajian ini, instrumen yang terlibat merupakan borang soal-selidik, ujian formatif, ujian summatif dan esei pelajar. Dalam kajian ini, tiga buah ujian formatif dan ujian summatif yang menguji tatabahasa bahasa Jerman dibentuk, yakni Ujian Formatif/ Summatif 1 (Tatabahasa ayat *Relativ*), Ujian Formatif/ Summatif 2 (Tatabahasa ayat sebab musabab) dan Ujian Formatif/ Summatif 3 (Tatabahasa ayat pasif).

Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan melihat keberkesanan Modul *Flipped Classroom* terhadap pencapaian bahasa Jerman dan keberkesanan Modul *Flipped Classroom* terhadap keterlibatan pelajar.

Keberkesanan Modul Flipped Classroom Terhadap Pencapaian Bahasa Jerman

Ho.1: Tidak terdapat perbezaan min skor Pencapaian Bahasa Jerman Akhir yang signifikan antara pelajar yang mengikuti Modul Traditional dan Modul *Flipped Classroom*

Berdasarkan Jadual 3, didapati tidak terdapat perbezaan min skor Pencapaian Bahasa Jerman Akhir yang signifikan bagi kumpulan pelajar yang mengikuti Modul Traditional dan Modul *Flipped Classroom* [$\Delta M = 0.779$] dalam sesi 1, sesi 2 [$\Delta M = -2.139$] dan sesi 3 [$\Delta M = -0.275$].

Jadual 3: Perbandingan Min Kumpulan Pengajaran

Pembolehubah Bersandar: Pencapaian Bahasa Jerman Akhir							
Sesi	(I)Pendekatan Pengajaran	(J)Pendekatan Pengajaran	Beza Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig. ^a	95% Selang Keyakinan	
						Sempadan Bawah	Sempadan Atas
1	Modul Traditional	Modul Flipped Classroom	.779	1.321	.559	-1.909	3.467
	Modul Flipped Classroom	Modul Traditional	-.779	1.321	.559	-3.467	1.909
2	Modul Traditional	Modul Flipped Classroom	-2.139	1.391	.134	-4.972	.694

	Modul Flipped Classroom	Modul Traditional	2.139	1.391	.134	-.694	4.972
3	Modul Traditionl	Modul Flipped Classroom	-.275	.711	.701	-1.725	1.175
	Modul Flipped Classroom	Modul Traditional	.275	.711	.701	-1.175	1.725

Daripada hasil analisis ini, dapat dirumuskan bahawa pelajar yang mengikuti Modul Traditional menunjukkan peningkatan skor Pencapaian Bahasa Jerman yang lebih tinggi berbanding kumpulan pelajar yang mengikuti Modul *Flipped Classroom* dalam sesi 1. Akan tetapi pelajar yang mengikuti Modul Flipped Classroom menunjukkan peningkatan skor Pencapaian Bahasa Jerman yang lebih tinggi berbanding kumpulan pelajar yang mengikuti Modul Traditional dalam sesi 2 dan sesi 3. Sebagai rumusan, hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan min skor Pencapaian Bahasa Jerman yang signifikan antara pelajar dalam kedua-dua kumpulan dalam ketiga-tiga sesi. Justeru itu, hipotesis Ho1.1 gagal ditolak.

Keputusan ujian ANCOVA satu hala mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan Pencapaian Bahasa Jerman yang signifikan antara kedua-dua kumpulan kajian. Akan tetapi, pelajar yang mengikuti Modul *Flipped Classroom* menunjukkan peningkatan skor Pencapaian Bahasa Jerman yang lebih tinggi berbanding kumpulan pelajar yang mengikuti Modul Traditional dalam sesi 2 dan sesi 3.

Keberkesanan Modul Flipped Classroom Terhadap Keterlibatan Pelajar

Ho2.1 tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor Keterlibatan Pelajar Akhir antara pelajar yang mengikuti Modul Traditional dan Modul *Flipped Classroom*

Analisis ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor Keterlibatan Pelajar Akhir antara kedua-dua kumpulan kajian [$F(1,34) = 4.041$, $p = .052$ dan $p > 0.05$ dalam sesi 1, analisis ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor Keterlibatan Pelajar Akhir antara kedua-dua kumpulan kajian [$F(1,33) = .594$, $p = .446$ dan $p > 0.05$ dalam sesi 2 dan analisis ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor Keterlibatan Pelajar Akhir antara kedua-dua kumpulan kajian [$F(1,33) = 1.449$, $p = .237$ dan $p > 0.05$ dalam sesi 3.

Jadual 4: Perbandingan Min Kumpulan Pengajaran

Pembolehubah Bersandar: Keterlibatan Pelajar Akhir							
Sesi	(I) Pendekatan Pengajaran	(J) Pendekatan Pengajaran	Beza min (I-J)	Ralat Piawai	Sig. ^a	Selang Keyakinan 95%	
						Sempadan Bawah	Sempadan Atas
1	Traditional	Flipped Classroom	-11.904*	5.921	.052	-23.938	.130
	Flipped Classroom	Traditional	11.904*	5.921	.052	-.130	23.938
2	Traditional	Flipped Classroom	-5.513*	7.153	.446	-20.066	9.040
	Flipped Classroom	Traditional	5.513*	7.153	.446	-9.040	20.066

3	Traditional	Flipped Classroom	-6.520*	5.417	.237	-17.540	4.500
	Flipped Classroom	Traditional	6.520*	5.417	.237	-4.500	17.540

Berdasarkan kepada Jadual 4, didapati tidak terdapat perbezaan min skor Keterlibatan Pelajar Akhir yang signifikan bagi kumpulan pelajar yang mengikuti Modul Traditional dengan Modul *Flipped Classroom* [$\Delta M = 11.904$] dalam sesi 1, tidak terdapat perbezaan min skor Keterlibatan Pelajar Akhir yang signifikan bagi kumpulan pelajar yang mengikuti Modul Traditional dengan Modul *Flipped Classroom* [$\Delta M = 5.513$] dalam sesi 2 dan tidak terdapat perbezaan min skor Keterlibatan Pelajar Akhir yang signifikan bagi kumpulan pelajar yang mengikuti Modul Traditional dengan Modul *Flipped Classroom* [$\Delta M = 6.520$] dalam sesi 3. Sebagai kesimpulan, hasil analisis ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min skor Keterlibatan Pelajar Akhir yang signifikan antara pelajar dalam kedua-dua kumpulan kajian dan dalam ketiga-tiga sesi setelah intervensi dicurahkan. Justeru itu, hipotesis Ho2.1 gagal ditolak.

Kesan Interaksi Antara Keterlibatan Pelajar Dan Pencapaian Bahasa Jerman Yang Menyumbang Kepada Pendekatan Pengajaran Dalam Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Jerma

Ho2: Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara pemboleh ubah bersandar (Keterlibatan Pelajar) dan pemboleh ubah bersandar (Pencapaian Bahasa Jerman) terhadap Pendekatan Pengajaran dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman.

Dapatan ujian MANOVA yang dijalankan bagi mengenal pasti, sama ada terdapat perbezaan signifikan antara pemboleh ubah bersandar (Keterlibatan Pelajar) dan pemboleh ubah bersandar (Pencapaian Bahasa Jerman) terhadap Pendekatan Pengajaran dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman. Memandangkan nilai kebarangkalian yang diperolehi daripada ujian multivariat (Pillai's Trace = 0.000 bagi Pendekatan Pengajaran) kurang daripada nilai alfa yang ditentukan, iaitu $p = 0.05$. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min Keterlibatan Pelajar dan min Pencapaian Bahasa Jerman mengikut pendekatan pengajaran. Maka dapat disimpulkan bahawa dapatan kajian adalah tidak signifikan secara statistik iaitu tidak terdapat bukti-bukti yang kukuh untuk membuat kesimpulan bahawa terdapat kesan interaksi yang signifikan antara pemboleh ubah bersandar (Keterlibatan Pelajar) dan pemboleh ubah bersandar (Pencapaian Bahasa Jerman) terhadap Pendekatan Pengajaran dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman. Justeru itu, Hipotesis Ho2.2 gagal ditolak dalam sesi 1. Dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Pendekatan Pengajaran dalam Keterlibatan Pelajar ($F = 4.041$, $p = 0.052$, $p > 0.05$). Hasil analisis perbezaan tersebut jelas gagal menolak hipotesis nol. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang jelas dalam Keterlibatan Pelajar berdasarkan Pendekatan Pengajaran. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara Pendekatan Pengajaran dalam Pencapaian Bahasa Jerman ($F = 18.871$, $p = 0.000$, $p < 0.05$) dalam sesi 1. Hasil analisis perbezaan tersebut jelas menolak hipotesis nol. Hal ini bermakna terdapat perbezaan yang jelas dalam Pencapaian Bahasa Jerman berdasarkan Pendekatan Pengajaran.

Dapatan ujian MANOVA yang dijalankan bagi mengenal pasti, sama ada terdapat perbezaan signifikan antara pemboleh ubah bersandar (Keterlibatan Pelajar) dan pemboleh ubah bersandar (Pencapaian Bahasa Jerman) terhadap Pendekatan Pengajaran dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman. Memandangkan nilai kebarangkalian yang diperolehi daripada ujian multivariat (Pillai's Trace = 0.159 bagi Pendekatan Pengajaran) lebih daripada nilai alfa yang ditentukan, iaitu $p = 0.05$. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam min

Keterlibatan Pelajar dan min Pencapaian Bahasa Jerman mengikut pendekatan pengajaran. Maka dapat disimpulkan bahawa dapatan kajian adalah signifikan secara statistik iaitu terdapat bukti-bukti yang kukuh untuk membuat kesimpulan bahawa terdapat kesan interaksi yang signifikan antara pemboleh ubah bersandar (Keterlibatan Pelajar) dan pemboleh ubah bersandar (Pencapaian Bahasa Jerman) terhadap Pendekatan Pengajaran dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman. Justeru itu, Hipotesis Ho2.2 ditolak dalam sesi 2. Dapatan ujian yang dijalankan terhadap Pendekatan Pengajaran merentasi pemboleh ubah bersandar bagi mengetahui kesan perbezaan dengan lebih terperinci. Dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Pendekatan Pengajaran dalam Keterlibatan Pelajar ($F = 0.594$, $p = 0.446$, $p > 0.05$). Hasil analisis perbezaan tersebut jelas gagal menolak hipotesis nol. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang jelas dalam Keterlibatan Pelajar berdasarkan Pendekatan Pengajaran. Dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Pendekatan Pengajaran dengan Pencapaian Bahasa Jerman ($F = 3.368$, $p = 0.076$, $p > 0.05$) dalam sesi 2. Hasil analisis perbezaan tersebut jelas gagal menolak hipotesis nol. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang jelas dalam Pencapaian Bahasa Jerman berdasarkan Pendekatan Pengajaran.

Dapatan ujian MANOVA yang dijalankan bagi mengenal pasti, sama ada terdapat perbezaan signifikan antara pemboleh ubah bersandar (Keterlibatan Pelajar) dan pemboleh ubah bersandar (Pencapaian Bahasa Jerman) terhadap Pendekatan Pengajaran dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman. Memandangkan nilai kebarangkalian yang diperolehi daripada ujian multivariat (Pillai's Trace = 0.358 bagi Pendekatan Pengajaran) lebih daripada nilai alfa yang ditentukan, iaitu $p = 0.05$. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam min Keterlibatan Pelajar dan min Pencapaian Bahasa Jerman mengikut pendekatan pengajaran. Maka dapat disimpulkan bahawa dapatan kajian adalah signifikan secara statistik iaitu terdapat bukti-bukti yang kukuh untuk membuat kesimpulan bahawa terdapat kesan interaksi yang signifikan antara pembolehubah bersandar (Keterlibatan Pelajar) dan pembolehubah bersandar (Pencapaian Bahasa Jerman) terhadap Pendekatan Pengajaran dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman. Justeru itu, Hipotesis Ho2.2 ditolak dalam sesi 3. Dapatan ujian yang dijalankan terhadap Pendekatan Pengajaran merentasi pembolehubah bersandar bagi mengetahui kesan perbezaan dengan lebih terperinci. Dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Pendekatan Pengajaran dalam Keterlibatan Pelajar ($F = 1.449$, $p = 0.237$, $p > 0.05$). Hasil analisis perbezaan tersebut jelas gagal menolak hipotesis nol. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang jelas dalam Keterlibatan Pelajar berdasarkan Pendekatan Pengajaran. Dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Pendekatan Pengajaran dalam Pencapaian Bahasa Jerman ($F = 0.235$, $p = 0.631$, $p > 0.05$) dalam sesi 3. Hasil analisis perbezaan tersebut jelas gagal menolak hipotesis nol. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang jelas dalam Pencapaian Bahasa Jerman berdasarkan Pendekatan Pengajaran.

Perbincangan

Walaupun tidak terdapat perbezaan min skor Pencapaian Bahasa Jerman Akhir yang signifikan secara statistik antara pelajar yang mengikuti Modul Traditional dan Modul *Flipped Classroom*, akan tetapi kajian menunjukkan ada peningkatan skor bagi pelajar daripada kumpulan rawatan dalam sesi 2 dan sesi 3. Ini mengesahkan bahawa kaedah *Flipped Classroom* ini berkesan dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman sehingga satu tahap walaupun dapatan kajian tidak mempersembahkan bukti-bukti yang lebih kukuh untuk membuat kesimpulan yang positif terhadap keberkesanan Modul *Flipped Classroom* ini. Peningkatan skor Pencapaian Bahasa Jerman Akhir ini mungkin disebabkan mod pembelajaran dan pengajaran ini sesuai dengan konteks pembelajaran bahasa Jerman sebagai bahasa asing

bagi pelajar GAPP di Institusi Jerman-Malaysia, di mana jadual pembelajaran pelajar GAPP adalah sangat penuh dan padat, di mana masa dalam kelas yang terhad difokuskan kepada pengukuhan pengetahuan dan bukannya pembelajaran dan pengajaran. Ini adalah sangat membantu dan berharga kepada pelajar yang belajar bahasa sebagai bahasa asing kerana penguasaan bahasa sasaran hanya mengambil tempat dengan dua strategi ini – pemerolehan dan pembelajaran menurut Krashen (1983) dan pembelajaran berlangsung dalam keadaan yang sedar, di mana pelajar meneliti bentuk-bentuk bahasa dan memahami peraturan-peraturan/rumus-rumus yang mendasarinya. Menurut Krashen (1983), bahasa sasaran dapat diperkembangkan dengan menggunakan bahasa tersebut dalam situasi komunikasi yang sebenar dan pada masa yang sama mengenali bahasa tersebut. Justeru itu, Modul *Flipped Classroom* dipilih dalam konteks ini untuk membolehkan pelajar mempunyai peluang menggunakan bahasa dalam masa bersemuka yang terhad ini. Ini adalah sejajar dengan hipotesis pemerolehan dan pengajaran dalam teori Input Hipotesis Krashen.

Fungsi pengajar dalam Modul *Flipped Classroom* adalah berlainan, di mana pengajar memantau dan membimbing pelajar dalam proses pembelajaran. Pengajar bertindak sebagai fasilitator dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang oleh beliau, di mana pengajar berinteraksi dan memberikan maklum balas yang konstruktif kepada pelajar. Ini sangat membantu pelajar dalam pembelajaran bahasa asing di Malaysia, kerana Malaysia terletak jauh daripada negara bahasa sasaran. Pelajar bukan setakat memerlukan persekitaran pembelajaran yang kondusif, malah seorang fasilitator yang dapat membimbing mereka dalam perjalanan ini. Ini sejajar dengan hipotesis Monitor dalam teori Input Krashen, di mana Konsep Monitor membantu dalam pembelajaran dan bukannya pemerolehan bahasa (Krashen, 1981) dan ia berfungsi sebagai alat pemantauan pertuturan untuk menapis pelaksanaan bahasa dan memperbaiki pelaksanaan bahasa. Alat pemantauan ini hanya dapat berfungsi dengan hadirnya ketiga-tiga syarat, iaitu masa yang mencukupi, fokus terhadap bentuk dan pembetulan dan pengetahuan mengenai rumus-rumus bahasa.

Tambahan pula, kaedah *Flipped Classroom* ini memanfaatkan pelajar yang lemah, di mana mereka diberi peluang untuk membaca bahan pembelajaran lebih awal dan menjadi lebih yakin semasa berbincang dengan pengajar dan rakan seperjuangan. Ini dapat dibuktikan dalam peningkatan markah dalam ujian pasca bagi pelajar yang lemah (Hughes, 2007; Peterson, 2016; Pavanelli, 2018). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kaedah Flipped Classroom dapat meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dan hal ini selari dengan pandangan Herreid dan Schiller (2013); Evseeva dan Solozhenko (2015); Noraini, Norazilawati, Wong dan Mahizer (2017); Di Ricerca (2017); Meléndez dan Iza Santikarn dan Wichadee (2018).

Dalam sesi 1, min skor Pencapaian Bahasa Jerman Akhir pelajar daripada kumpulan kawalan adalah lebih tinggi daripada pelajar daripada kumpulan rawatan. Ini mungkin disebabkan kaedah *Flipped Classroom* ini masih baru bagi pelajar dan mereka tidak biasa dengan cara pembelajaran dan pengajaran yang baru ini. Justeru itu, pelajar lebih suka dan rasa lebih selesa belajar dalam setting konvensional (Sanchez, 2017). Hal ini selari dengan pandangan Kim et al (2014); Smallhorn (2017) dan Cabi (2018). Kaedah *Flipped Classroom* dipilih dan diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jerman sebagai bahasa asing bukan dengan niat untuk menggantikan kaedah Traditional semata-mata. Latihan tatabahasa dalam kaedah Traditional yang menumpukan kepada bentuk diperlukan dalam pembelajaran bahasa asing (Hua dan Li 2015). Hujah ini disokong oleh Schulz (1996) dan Peacock (1998), di mana latihan tatabahasa dalam kaedah Traditional masih popular di kalangan pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Setiap kaedah ada kekuatan dan kelemahannya.

Walaupun analisis hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan min skor Keterlibatan Pelajar Akhir yang signifikan antara pelajar dalam kumpulan kajian Modul Traditional dan Modul *Flipped Classroom* setelah intervensi mengambil tempat dalam sesi 1, sesi 2 dan sesi 3, akan tetapi min skor Keterlibatan Pelajar Akhir adalah lebih tinggi bagi pelajar daripada kumpulan kajian yang mengikuti Modul *Flipped Classroom* daripada kumpulan kajian yang mengikuti Modul Traditional. Ini mungkin disebabkan pelajar berpeluang berinteraksi secara aktif dengan pengajar dan rakan seperjuangan seperti yang disokong oleh Millard (2012), di mana kaedah *Flipped Classroom* meningkatkan keterlibatan pelajar di dalam kelas menerusi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang interaktif. Hal ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Ayçiçek B. & Yanpar Yelken T. (2018); Shu dan Chen (2018); Yu (2017); Kanelopoulos, Papanikolaou dan Zalimidis (2017); Alsowat (2016).

Pembelajaran aktif menjadi teras kepada kaedah *Flipped Classroom*, di mana pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara aktif (Hurley, 2014; Hung, 2015). Ini mungkin disebabkan pelajar memperoleh maklum balas yang segera semasa berinteraksi dengan pengajar dan rakan seperjuangan dan situasi ini tidak mungkin berlaku di dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang mengikuti kaedah Traditional (Bergmann dan Waddell, 2012). Pelajar digalakkan untuk berfikir bukan sahaja di dalam bilik darjah, malah di luar bilik darjah (Kellinger, 2012). Ini menyebabkan pelajar menjadi pelajar yang aktif dan pembelajaran aktif ini menyumbangkan kepada keterlibatan pelajar.

Keterlibatan pelajar daripada kumpulan kajian yang mengikuti Modul *Flipped Classroom* adalah lebih terserlah dalam kajian ini, ini mungkin disebabkan oleh elemen teknologi, di mana kaedah *Flipped Classroom* ini menyediakan persekitaran pembelajaran-e (e-learning environment) kepada pelajar dalam fasa pra-kelas dan fasa pasca-kelas kerana kaedah *Flipped Classroom* ini melibatkan banyak aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran elektronik (e-learning activities). Pelajar mempunyai akses kepada kandungan pembelajaran atas talian yang dibekalkan oleh pengajar dan belajar serta membuat persediaan sebelum fasa dalam-kelas. Dengan adanya persediaan awal ini, pelajar dapat menfokuskan perkembangan dan pengukuhkan pengetahuan yang diperolehi sebelum fasa dalam-kelas. Selepas itu, pelajar melakukan tugas/ kerja rumah yang diberikan oleh pengajar sambil mengkaji semula pembelajaran menerusi bahan-bahan pembelajaran yang dibekalkan oleh pengajar dalam fasa pra-kelas. Ini menunjukkan pelajar bukan sahaja melibatkan diri secara aktif dalam fasa-dalam-kelas malah melibatkan diri secara aktif dalam menguji pengetahuan yang dipelajari. Semua ini hanya mampu mengambil tempat dengan hadirnya teknologi kerana teknologi merupakan elemen yang tidak dapat diabaikan dalam kaedah *Flipped Classroom* dan teknologi menjamin kejayaan pelaksanaan kaedah *Flipped Classroom* (Bransford, Brown & Cocking, 2000).

Peningkatan keterlibatan pelajar memberi kesan yang positif terhadap pencapaian dan situasi ini dibuktikan oleh analisis hasil kajian ini yang mendapati terdapat kesan interaksi yang signifikan antara Keterlibatan Pelajar dan Pencapaian Bahasa Jerman terhadap Pendekatan Pengajaran dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman dalam sesi 2 dan sesi 3. Hubungan ini mungkin disebabkan oleh pelajar dapat membangunkan kemahiran pemikiran analitikal, kemahiran penyelesaian masalah, pemikiran kreatif dan meta kognitif semasa melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Carini et al (2006); Reeve (2013); Sunday (2013); Souza, Venkatesaperumal, & Radhakrishnan (2013); Bösner et al (2015); Yestrebsky (2015); Clark K. R. (2015) Akgün and Atıcı (2017); Cronhjort M., Filipsson L. dan Weurlander M. (2017). Manakala dalam sesi 1 kajian ini, analisis hasil kajian mendapati tidak terdapat kesan interaksi

yang signifikan antara Keterlibatan Pelajar dan Pencapaian Bahasa Jerman terhadap Pendekatan Pengajaran dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman. Ini mungkin disebabkan oleh kaedah *Flipped Classroom* ini masih baru kepada pelajar dan pelajar berkecenderungan lebih suka kaedah Traditional yang sudah biasa dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Siti Zuraidah, Rozinah dan Nur Eliza (2014); Welde (2016) dan Zupon (2017) di mana pelajar melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas tetapi keterlibatan ini tidak mendatangkan kesan yang positif terhadap pencapaian.

Rumusan

Kaedah *Flipped Classroom* dibuktikan oleh hasil dapatan kajian ini sebagai sebuah kaedah yang sesuai diimplementasikan dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman. Pelajar dapat melihat pertalian pengalaman bilik darjah dan luar bilik darjah menerusi kaedah *Flipped Classroom* ini.

Pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bahasa Jerman menjadi lebih teratur, lebih terarah dan lebih sempurna menerusi kaedah *Flipped Classroom* dan ini menjamin hasil pembelajaran yang digariskan tercapai. Pelajar menjadi lebih terlibat dalam kaedah *Flipped Classroom* ini dan menunjukkan pencapaian bahasa Jerman yang lebih baik kerana kaedah ini dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif, autentik dan bermakna kepada pelajar dengan mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran serta menfokuskan kepada pembelajaran menerusi aktiviti-aktiviti. Pelajar yang mengikuti kaedah *Flipped Classroom* ini dan pengajar yang melaksanakan kaedah ini mempunyai tanggungjawab yang tinggi dan masing-masing berperanan menjadikan misi, visi dan objektif pembelajaran tercapai menerusi rancangan dan tindakan yang lebih tersusun dan bermakna.

Penggunaan kaedah *Flipped Classroom* dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jerman lebih memanfaatkan pelajar kerana kaedah ini adalah lebih bersifat “hands-on” yang menyepadukan kedua-dua elemen, teori (know-why) dan praktikal (know-how). Penguasaan dan pengimbangan kedua-dua elemen dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jerman akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Jerman lebih bermakna dan holistik. Pelajar lahiran kaedah *Flipped Classroom* ini adalah lebih matang dan tajam dari segi pemikiran dan bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka. Kualiti pelajar sebegini akan menjadi aset kepada negara demi melahirkan pekerja-K (K-Workers) yang berkualiti tinggi dan yang mampu bersaing di arena antarabangsa dan mengharumkan nama negara kita.

Sebagai rumusan, kaedah *Flipped Classroom* didapati adalah sesuai diimplementasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jerman, di mana pelajar diberi ruang, kebebasan dan peluang untuk menggabungkan pengetahuan yang dipelajari di luar kelas secara atas talian dengan praktikal yang ditekankan di dalam kelas. Di samping itu, kemahiran berkomunikasi interpersonal sosial dan teknologi komunikasi maklumat diterapkan secara eksplisit dalam kaedah *Flipped Classroom* ini. Kaedah *Flipped Classroom* ini diterapkan dengan harapan bakat pelajar generasi baru di Malaysia dapat dipertingkatkan supaya mereka tidak dihanjut oleh arus ideologi pendidikan yang semasa dan mampu menyahut cabaran dengan yakin.

Windham (2005) mencadangkan bahawa kurikulum pendidikan yang baru dan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang mesti merangkumi interaksi, penerokaan, perkaitan, multimedia dan arahan pengajaran untuk melibatkan pelajar dalam pembelajaran. Kesemua atribut ini dapat ditemui dalam kaedah *Flipped Classroom*. Justeru itu, hasil dapatan kajian ini mencadangkan pengajar dapat menjadikan Kaedah *Flipped Classroom* ini sebagai satu kaedah

alternatif atau kaedah tambahan dalam pengajaran bahasa Jerman untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik dan autentik kepada pelajar di Malaysia bagi memudahkan pembelajaran bahasa Jerman sebagai bahasa asing dan menjadikan perjalanan pembelajaran bahasa Jerman sebagai bahasa asing lebih bermakna.

Rujukan

- Akgün, M., & Atıcı B. (2017). The Effect of Flipped Classroom on Learners' Academic Achievements and Views. *Kastamonu Education Journal*, 25(1), 329-344.
- Ayçiçek, B., & Yanpar Yelken, T. (2018). The Effect of Flipped Classroom Model on Students' Classroom Engagement in Teaching English. *International Journal of Instruction*, 11(2), 385-398. Retrieved from: <https://doi.org/10.12973/iji.2018.11226a>
- Basal, A. (2015). The Implementation of a Flipped Classroom in Foreign Language Teaching. *Transform Lives Turkish Online Journal of Distance Education-TOJDE* Volume: 16 Number: 4 Article 3.
- Bell, T. R. (2015). The flipped German classroom. *Paper presented at The 2015 Central States Conference on the Teaching of Foreign Languages, Minneapolis, USA*. Retrieved from https://csctfl.wildapricot.org/resources/Documents/2015Report/CSCTFL%20Report_2015.pdf
- Bösner, S., Pickert, J., & Stibane, T. (2015). Teaching differential diagnosis in primary care using an inverted classroom approach: student satisfaction and gain in skills and knowledge. *BMC medical education*, 15(1), 1.
- Cabi, E. (2018). The Impact of the Flipped Classroom Model on Students' Academic Achievement. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, Volume 19, Number 3.
- Carini, R. M., Kuh, G. D., & Klein, S. P. (2006). Student Engagement and Student Learning: Testing the Linkages. *Research in Higher Education*, 47(1), 1–32.
- Cronhjort, M., Filipsson, L. & Weurlander, M. (2017). Improved engagement and learning in flipped-classroom calculus. *Teaching Mathematics and Its Applications*. 37, 113–121.
- Di Ricerca D. (2017). Learning in the 21st Century: The Flipped Foreign Language Classroom. *Settore Scientifico Disciplinare Di Afferenza: L-lin/02*.
- D'Souza, M.S., Venkatesaperumal, R., Radhakrishnan, J. & Balachandran, S. (2013). Engagement in clinical learning environment among nursing students: Role of nurse educators. *Open Journal of Nursing*, 3, 25-32 Retrieved from: <http://dx.doi.org/10.4236/ojn.2013.31004>
- Evseeva, A. & Solozhenko, A. (2015). Use of Flipped Classroom Technology in Language Learning. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 206 (2015) 205 – 209. Elsevier Ltd.
- Hamad Alsowat. (2016). An EFL Flipped Classroom Teaching Model: Effects on English Language Higher-order Thinking Skills, Student Engagement and Satisfaction. *Journal of Education and Practice*, Vol.7, No.9, 201.
- Herreid, C. F. & Schiller, N. A. (2013). Case Studies and the Flipped Classroom. *Journal of College Science Teaching*, 42(5), 62-66.
- Hua & Li. (2015). Bringing fun and meaning into grammar learning: A case study of a secondary-level EFL class in Hong Kong. *Cogent Education*, 2: 1111039. Retrieved from: <http://dx.doi.org/10.1080/2331186X.2015.1111039>
- Hughes, G. (2007). Using blended learning to increase learner support and improve retention. *Teaching in Higher Education*, 12(3), 349-363.

- Kanelopoulos, J, Papanikolaou, J dan Zalimidis, P. (2017). Flipping The Classroom to Increase Students' Engagement and Interaction in a Mechanical Engineering Course on Machine Design. *International Journal of Engineering Pedagogy*, Vol.7, No. 4
- Krashen, S. D., & Terrell, T. D. (1983). *The natural approach: Language acquisition in the classroom*. New York: Pergamon Press.
- Krashen, S. (1981) *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Oxford: Pergamon Press.
- Lee, W., & Reeve, J.. (2012). Teachers' estimates of their students' motivation and engagement: being in synch with students. *Educational Psychology*, 32(6), 727–747
- Meléndez, L. & Iza, S. (2017). Application of the Flipped Classroom methodology in a virtual platform for teaching English language grammar in level B1. *Revista Publicando*, 4. No 12. (1), 236-246.
- Noraini Mohamed Noh, Norazilawati Abdullah, Wong Kung Teck, Mahizer Hamzah. (2017). Keberkesanan Pendekatan Flipped Classroom Dalam Pembelajaran Sains & Matematik Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, Vol.7 No.7.
- Pavanelli, R. (2018). The Flipped Classroom: A Mixed Methods Study of Academic Performance and Student Perception in EAP Writing Context. *International Journal of Language and Linguistics*, Vol. 5, No. 2.
- Peterson, D. (2016). The flipped classroom improves student achievement and course satisfaction in a statistics course: A quasi-experimental study. *Teaching of Psychology*, 43(1), 10-15.
- Reeve, J..(2012). *A Self-determination Theory Perspective on Student Engagement*. Handbook of Research on Student Engagement, 149–172
- Reeve, J. (2013). How students create motivationally supportive learning environments for themselves: The concept of agentic engagement. *Journal of Educational Psychology*, 105(3), 579–595.
- Roehl, A., Reddy, S. L., & Shannon, G. J.. (2013). The flipped classroom: An opportunity to engage millennial students through active learning strategies. *Journal of Family and Consumer Service*.
- Sanchez, N. S. (2017). Discovering Students' Preference For Classroom Activities And Teachers' Frequency Of Activity Use. *Colomb. Appl. Linguist, J.*, 19(1), pp. 51-66.
- Schulz, R. A. (1996). Focus on form in the foreign language classroom: Students' and teachers' views on error correction and the role of grammar. *Foreign Language Annals*, 29(3), 343-364.
- Sunday, O. N. (2013). Relationships between students' task engagement and learning outcomes in chemistry. *Journal of Educational Research and Reviews*, 1(1), 18
- Siti Zuraidah Md Osman, Rozinah Jamaludin, Nur Eliza Mokhtar.(2014). Student Engagement and Achievement in Active Learning Environment among Malaysian Polytechnic Commerce Department. *Journal of Education and Literature*, Vol. 2, No. 1, 8-17
- Wahindah Suhari, Wan Alfidah Suleiman dan Zuraidah Saidin. (2015). Flipped Classroom dalam Pengajaran Karangan . *Seminar Bahasa Melayu Malay Language Centre of Singapore*.
- Webb, M., Doman, E., & Pusey, K. (2014). Flipping a Chinese University EFL Course: What Students and Teachers Think of the Model? *The Journal of Asia TEFL*. 11(4), 5387.
- Welde, J.M. (2016). The Implementation Of A Flipped Classroom To Increase Student Achievement And Engagement In High School Chemistry Student. Retrieved from: <https://scholarworks.montana.edu/xmlui/bitstream/handle/1/10108/WeldeJ0816.pdf?sequence=6>

- Yestrebsky, C. L. (2015). Flipping the classroom in a large chemistry class-research university environment. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 191, 1113-1118.
- Yu, E. (2017). Influence of Flipped Classroom Model on Korean Translation Teaching. *International Conference on Education Innovation and Economic Management*.
- Zupon, K. (2017). Flipped Classrooms and Student Achievement. *Culminating Projects in Information Media*. 13.